



KERAJAAN NEGERI MELAKA

SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN DALAM TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 2 DI NEGERI MELAKA

BIL	AKTIVITI	PENERANGAN RINGKAS	WAKTU OPERASI YANG DIBENARKAN
1.	Vaksinasi Lengkap	<p>Individu yang telah lengkap divaksin adalah individu yang telah memenuhi kriteria-kriteria berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Jenis vaksin yang memerlukan dua dos suntikan (seperti Cormirnaty (Pfizer-BioNTech), COVID-19 AstraZeneca (Oxford-AstraZeneca), CoronaVac (Sinovac), Spikevax (Moderna) dan Covilo (Sinopharm)), individu berkenaan mestilah telah melepasi hari ke-14 dari tarikh suntikan dos kedua; atau ✓ Jenis vaksin yang hanya memerlukan satu dos suntikan (seperti COVID-19 Janssen (Johnson & Johnson) dan Convidecia (CanSino)), individu berkenaan mestilah telah melepasi hari ke-28 dari tarikh suntikan. 	
2.	Rentas Daerah	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Rentas daerah DIBENARKAN bagi individu yang telah lengkap menerima vaksin dengan mengemukakan Kad / Sijil Digital Vaksinasi COVID-19 dan kad pengenalan / passport sebagai pembuktian ✓ Bagi individu yang telah menerima vaksinasi lengkap DIBENARKAN membawa anak-anak berusia 17 tahun dan ke bawah dengan mematuhi protokol kesihatan umum. 	
3.	Rentas Daerah dan Negeri bagi Pasangan Suami Isteri Jarak Jauh (PJJ)	<ul style="list-style-type: none"> i. Pasangan suami isteri jarak jauh DIBENARKAN untuk merentas daerah dan negeri bagi tujuan berjumpa pasangan masing-masing dengan syarat kedua-duanya mesti telah lengkap divaksin dengan pengesahan PDRM dan mengemukakan; <ul style="list-style-type: none"> ✓ Salinan kad pengenalan suami dan isteri ✓ Salinan sijil/ kad pernikahan ✓ Salinan Kad/ Sijil Digital Vaksinasi COVID-19 suami dan isteri ✓ Salinan dokumen bukti tempat tinggal suami/ isteri atau surat pengesahan majikan. ii. Menunjukkan surat kebenaran yang telah diluluskan oleh PDRM apabila melalui Sekatan Jalan Raya (SJR). 	
4.	Rentas Daerah dan Negeri bagi Ibu Bapa / Penjaga yang Mempunyai Anak (Di Bawah 18 Tahun) Jarak Jauh (AJJ)	<ul style="list-style-type: none"> i. Ibu bapa / penjaga yang mempunyai anak di bawah umur 18 tahun serta menetap di daerah atau negeri berlainan DIBENARKAN merentas daerah dan negeri untuk berjumpa anak masing-masing dengan syarat kedua-dua ibu bapa / penjaga mesti telah lengkap divaksin dengan pengesahan PDRM dan mengemukakan; <ul style="list-style-type: none"> ✓ Salinan kad pengenalan ibu, bapa dan sijil / dokumen kelahiran anak ✓ Salinan Kad / Sijil Digital Vaksinasi COVID-19 ibu dan bapa / penjaga ✓ Maklumat persekolahan anak (sekiranya berkaitan) ii. Menunjukkan surat kebenaran yang telah diluluskan oleh PDRM apabila melalui Sekatan Jalan Raya (SJR) 	



KERAJAAN NEGERI MELAKA

SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN DALAM TEMPPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 2 DI NEGERI MELAKA

BIL	AKTIVITI	PENERANGAN RINGKAS	WAKTU OPERASI YANG DIBENARKAN
5.	Aktiviti Pengimarahen Masjid dan Surau (Tertakluk kepada SOP yang dikeluarkan oleh Pejabat Mufti & JAIM)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Ketetapan bagi jumlah maksimum jemaah SOLAT JUMAAT, SOLAT FARDHU dan SOLAT JENAZAH di masjid dan surau negeri Melaka adalah seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> i. Masjid kerajaan – Maksimum 500 orang yang terdiri dari pegawai masjid dan jemaah dengan kaedah yang ditentukan oleh jawatankuasa. Walaupun begitu jumlah maksimum terhad kepada keluasan masjid berdasarkan penjarakan fizikal 1.5 meter. ii. Masjid kariah / institusi – Maksimum 200 orang yang terdiri dari pegawai masjid dan jemaah dengan kaedah yang ditentukan oleh jawatankuasa. Walaupun begitu jumlah maksimum terhad kepada keluasan masjid berdasarkan penjarakan fizikal 1.5 meter. iii. Surau - Maksimum 100 orang yang terdiri dari pegawai surau dan jemaah dengan kaedah yang ditentukan oleh jawatankuasa. Walaupun begitu jumlah maksimum terhad kepada keluasan surau berdasarkan penjarakan fizikal 1.5 meter. ▪ Aktiviti yang DIBENARKAN di masjid dan surau negeri melaka untuk PPN Fasa 2 adalah sebagaimana berikut: <ol style="list-style-type: none"> 1. Pelaksanaan Solat Jumaat di masjid dan surau Jumaat; 2. Pelaksanaan solat fardhu berjemaah di masjid dan surau; 3. Pengurusan dan Solat Jenazah di masjid dan surau; 4. Majlis akad nikah sebagaimana SOP yang ditetapkan JAIM; 5. Kuliah Maghrib pada waktu antara Maghrib dan Isyak; 6. Kuliah Subuh pada waktu selepas Solat Subuh dalam tempoh waktu yang bersesuaian; 7. Tazkirah atau bacaan Yaasin sebelum Solat Jumaat; 8. Majlis Bacaan Yaasin dan tahlil pada waktu antara Maghrib dan Isyak pada hari Khamis malam Jumaat; dan 9. Aktiviti singgah solat di masjid dan surau ▪ Aktiviti kuliah Maghrib, kuliah Subuh dan tazkirah yang dibenarkan HANYA boleh disampaikan oleh tenaga pengajar tempatan yang tidak melibatkan aktiviti rentas kawasan. Tenaga pengajar dari luar Negeri Melaka adalah DILARANG. ▪ Aktiviti yang TIDAK DIBENARKAN di masjid dan surau negeri melaka untuk PPN Fasa 2 adalah seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> 1. Sebarang penganjuran majlis yang melibatkan perhimpunan ramai; 2. Sebarang bentuk jamuan di masjid dan surau, agihan makanan berbungkus adalah dibenarkan; 3. Aktiviti gotong royong; 4. Aktiviti Jemaah Tabligh; 5. Lain-lain aktiviti yang tidak disenaraikan sebagai dibenarkan. ▪ Warganegara asing TIDAK DIBENARKAN menyertai aktiviti di masjid dan surau ▪ Pengurusan pengebumian jenazah dan ziarah kubur orang Islam adalah DIBENARKAN mengikut SOP yang yang dikeluarkan oleh Pejabat Mufti / JAIM ▪ Majlis Akad Nikah <ol style="list-style-type: none"> 1. Jumlah kehadiran majlis akad nikah di masjid kariah negeri Melaka hendaklah tidak lebih 23 orang; iaitu: <ol style="list-style-type: none"> a) Jurunikah/ Pendaftar NCR; b) Dua (2) orang saksi dalam kalangan pegawai masjid; c) Sepuluh (10) orang ahli keluarga lelaki termasuk pengantin lelaki; dan d) Sepuluh (10) orang ahli keluarga perempuan termasuk wali dan pengantin perempuan. 2. Manakala kehadiran dalam majlis akad nikah yang dijalankan di Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) pula hendaklah tidak lebih 13 orang, iaitu : <ol style="list-style-type: none"> a) Pendaftar NCR; b) Dua (2) orang saksi dalam kalangan pegawai PAID/ JAIM; c) Lima (5) orang ahli keluarga lelaki termasuk pengantin lelaki; dan d) Lima (5) orang ahli keluarga perempuan termasuk wali dan pengantin perempuan. 3. Semua tatacara pelaksanaan majlis akad nikah masih tertakluk di bawah Pekeliling JAIM Bil. 15/2021 : Garis Panduan Operasi Perkhidmatan Urusan Nikah, Cerai Dan Rujuk (NCR) Dan Kekeluargaan Islam Negeri Melaka yang dikeluarkan oleh jabatan ini pada 18 Ogos 2021. 	



KERAJAAN NEGERI MELAKA

SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN DALAM TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 2 DI NEGERI MELAKA

BIL	AKTIVITI	PENERANGAN RINGKAS	WAKTU OPERASI YANG DIBENARKAN								
6.	Aktiviti Rumah Ibadat Selain Islam	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Aktiviti sembahyang di Rumah Ibadat Selain Islam (RISI) bagi individu yang telah divaksin lengkap DIBENARKAN tertakluk kepada ketetapan dan SOP oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ▪ Pendaftaran perkahwinan bagi selain orang Islam di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Rumah Ibadat dan Persatuan Agama DIBENARKAN dengan kehadiran mengikut ketetapan pihak JPN ▪ Pengurusan pengebumian dan ziarah kubur selain orang Islam adalah DIBENARKAN dengan mengikut ketetapan KPN 									
7.	Sektor Pembuatan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Aktiviti yang disenaraikan dalam Senarai Perkhidmatan Perlu Sektor Pembuatan DIBENARKAN beroperasi adalah seperti berikut:- <ol style="list-style-type: none"> 1. Aeroangkasa (komponen dan <i>maintenance, repair and overhaul</i> - MRO) 2. Makanan dan minuman 3. Bahan pembungkusan dan percetakan hanya berkaitan dengan sektor perkhidmatan perlu 4. Barang-barang penjagaan diri dan bahan pencuci 5. Keluaran penjagaan kesihatan dan perubatan 6. Barang penjagaan diri, peralatan perlindungan diri (PPE) termasuk sarung tangan getah dan peralatan keselamatan kebakaran 7. Komponen bagi peranti perubatan 8. Elektrikal dan Elektronik (kepentingan rantai ekonomi global) 9. Minyak dan gas (<i>Oil and Gas</i>) termasuk petrokimia dan produk petrokimia 10. Mesin dan peralatan 11. Tekstil untuk pengeluaran PPE sahaja 12. Pengeluaran, penyulingan, penyimpanan, pembekalan dan pengagihan bahan api dan pelincir 13. Automotif (kenderaan dan komponen) 14. Seramik 15. Simen 16. Getah 17. Besi dan keluli 18. Kilang perabot ▪ Bagi aktiviti yang tidak disenaraikan dalam Senarai Perkhidmatan Perlu Sektor Pembuatan yang mencapai kadar vaksinasi lengkap bagi pekerja DIBENARKAN beroperasi seperti berikut: <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th><u>KADAR VAKSINASI</u></th> <th><u>KAPASITI PEKERJA</u></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>40%</td> <td>60%</td> </tr> <tr> <td>60%</td> <td>80%</td> </tr> <tr> <td>80%</td> <td>100%</td> </tr> </tbody> </table> ▪ Ujian RTK Antigen ke atas pekerja dilaksanakan setiap 2 minggu dengan kos ditanggung majikan. 	<u>KADAR VAKSINASI</u>	<u>KAPASITI PEKERJA</u>	40%	60%	60%	80%	80%	100%	
<u>KADAR VAKSINASI</u>	<u>KAPASITI PEKERJA</u>										
40%	60%										
60%	80%										
80%	100%										
8.	Pertanian, Perikanan, Penternakan, Perladangan dan Komoditi (Kapasiti Optima)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pertanian, perikanan dan penternakan serta rantaianya ▪ Perladangan dan komoditi serta rantaianya (kelapa sawit, getah, lada, koko, kayu, kenaf, biodiesel dan pensijilan agrikomoditi) ▪ Aktiviti pembalakan berskala kecil tertakluk kepada SOP Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KETSA) Pertanian, perikanan dan penternakan serta rantaianya ▪ Aktiviti memancing bagi tujuan sara hidup adalah DIBENARKAN 									



KERAJAAN NEGERI MELAKA

SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN DALAM TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 2 DI NEGERI MELAKA

BIL	AKTIVITI	PENERANGAN RINGKAS	WAKTU OPERASI YANG DIBENARKAN								
9.	Sektor Perlombongan dan Pengkuarian	<ul style="list-style-type: none"> Pengoperasian lombong dan kuari adalah DIBENARKAN tertakluk kepada SOP Perlombongan dan Pengkuarian. Bagi Sektor Perlombongan dan Pengkuarian yang mencapai kadar vaksinasi lengkap bagi pekerja DIBENARKAN beroperasi seperti berikut: <table border="1"> <thead> <tr> <th><u>KADAR VAKSINASI</u></th> <th><u>KAPASITI PEKERJA</u></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kurang 80%</td> <td>80%</td> </tr> <tr> <td>80%</td> <td>100%</td> </tr> </tbody> </table> Ujian RTK Antigen ke atas pekerja dilaksanakan setiap 2 minggu dengan kos ditanggung majikan. 	<u>KADAR VAKSINASI</u>	<u>KAPASITI PEKERJA</u>	Kurang 80%	80%	80%	100%			
<u>KADAR VAKSINASI</u>	<u>KAPASITI PEKERJA</u>										
Kurang 80%	80%										
80%	100%										
10.	Sektor Pembinaan	<ul style="list-style-type: none"> Aktiviti yang disenaraikan dalam Senarai Perkhidmatan Perlu Sektor Pembinaan DIBENARKAN beroperasi dengan kapasiti 80% pekerja adalah seperti berikut:- <ol style="list-style-type: none"> Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan. Kerja-kerja pembinaan infrastruktur awam. Kerja-kerja pembinaan yang mempunyai penginapan pekerja yang diluluskan di tapak bina. Kerja-kerja pembinaan yang menempatkan pekerja di Kuarters Pekerja Berpusat (CLQ) yang diluluskan. Kerja-kerja pembinaan yang dilaksanakan oleh kontraktor G1, G2, G3 atau G4. Kerja-kerja pengubahsuaian rumah kediaman perseorangan / bangunan. Kerja-kerja penyiasatan tanah. Kerja-kerja pembinaan projek Kerajaan (<i>Government Funded Project</i>). Perkhidmatan profesional/ perunding yang terlibat dengan sektor pembinaan Perkhidmatan dalam rangkaian bekalan yang terlibat bagi kerja-kerja pembinaan yang dibenarkan beroperasi. Kerja-kerja penyediaan tapak seperti ukur tanah, kerja-kerja tanah (<i>earthworks</i>), penandaan dan pembersihan tapak. Kerja-kerja pembinaan jalan raya dan lebuhraya. Bagi aktiviti yang tidak disenaraikan dalam Senarai Perkhidmatan Perlu Sektor Pembinaan yang mencapai kadar vaksinasi lengkap bagi pekerja DIBENARKAN beroperasi seperti berikut: <table border="1"> <thead> <tr> <th><u>KADAR VAKSINASI</u></th> <th><u>KAPASITI PEKERJA</u></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>40%</td> <td>60%</td> </tr> <tr> <td>60%</td> <td>80%</td> </tr> <tr> <td>80%</td> <td>100%</td> </tr> </tbody> </table> Ujian RTK Antigen ke atas pekerja dilaksanakan setiap 2 minggu dengan kos ditanggung majikan 	<u>KADAR VAKSINASI</u>	<u>KAPASITI PEKERJA</u>	40%	60%	60%	80%	80%	100%	
<u>KADAR VAKSINASI</u>	<u>KAPASITI PEKERJA</u>										
40%	60%										
60%	80%										
80%	100%										



KERAJAAN NEGERI MELAKA

SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN DALAM TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 2 DI NEGERI MELAKA

BIL	AKTIVITI	PENERANGAN RINGKAS	WAKTU OPERASI YANG DIBENARKAN
11.	Sektor Perdagangan Pengedaran	<p><u>TANPA SYARAT VAKSIN</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kompleks membeli belah TERMASUK pasar raya, pasar raya besar dan <i>departmental stores</i> DAN semua perkhidmatan perlu yang disenaraikan 2. Pasar raya dan pasar raya besar 3. <i>Departmental store</i> 4. Kedai farmasi, penjagaan diri, kedai serbaneka, <i>mini mart</i> dan kedai runcit 5. Restoran 6. Dobi (termasuk layan diri) 7. Kedai penjagaan haiwan dan makanan haiwan 8. Kedai cermin mata dan barang optik 9. Kedai <i>hardware</i> 10. Kedai peralatan sembahyang dan pengebumian 11. E-dagang (semua kategori produk) 11. Pemborongan dan pengedaran (semua kategori produk perkhidmatan perlu sahaja) 12. Kedai buku dan alat tulis 13. Kedai komputer dan telekomunikasi 14. Kedai elektrik dan elektronik 15. Perkhidmatan cuci kenderaan / menggilap kenderaan 16. Bengkel kenderaan, penyelenggaraan dan alat ganti 17. Stesen minyak (<i>kecuali Stesen minyak di lebuh raya dibenarkan beroperasi 24 jam</i>) 	<p>6.00 pagi hingga 10.00 malam</p> <p><u>KECUALI</u></p> <ol style="list-style-type: none"> i. <u>Gudang (warehouse) / pusat pengedaran (distribution centre)</u> Waktu operasi biasa ii. <u>Restoran</u> 6.00 pagi hingga 12.00 malam iii. <u>Stesen minyak / Kedai serbaneka di stesen minyak</u> 6.00 pagi hingga 12.00 malam



KERAJAAN NEGERI MELAKA

SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN DALAM TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 2 DI NEGERI MELAKA

BIL	AKTIVITI	PENERANGAN RINGKAS	WAKTU OPERASI YANG DIBENARKAN
		<p><u>DENGAN SYARAT PELANGGAN TELAH LENGKAP DIVAKSINASI</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kedai barang fotografi dan perkhidmatan fotografi 2. Kedai barangan terpakai 3. Kedai bunga dan nurseri 4. Kedai kraftangan dan cenderahati 5. Kedai antik 6. Kedai alat permainan 7. Kedai permaidani 8. Kedai kandungan kreatif dan peralatan industri kreatif 9. Kedai peralatan outdoor (termasuk peralatan perkhemahan, memancing dan lain-lain) 10. Kedai kosmetik, penjagaan kulit dan minyak wangi (penggunaan tester dibenarkan dengan kawalan pekerja) 11. Kedai tembakau (termasuk vape dan rokok elektronik) 12. Kedai barangan rumah dan peralatan dapur 13. Kedai perabot 14. Kedai peralatan sukan 15. Kedai aksesori kenderaan 16. Pusat pengedaran dan jualan kenderaan (pandu uji kenderaan dibenarkan) 17. Kedai pakaian, fesyen dan aksesori termasuk kasut, selipar, beg, topi, stoking, jam dan lain-lain (penggunaan fitting room dibenarkan) 18. Kedai barang kemas 19. Kedai gunting rambut, <i>hair dresser</i> (semua jenis perkhidmatan) 20. Pusat / salun kecantikan 21. Galeri perumahan (<i>show room</i>) <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pemilik premis perlu memastikan pelanggan yang ingin memasuki premis MESTI menunjukkan Kad / Sijil Digital Vaksinasi COVID-19 yang membuktikan pelanggan tersebut telah divaksin lengkap. ▪ Bagi ibu bapa / penjaga yang telah menerima vaksinasi lengkap DIBENARKAN membawa anak-anak berusia 17 tahun dan ke bawah ke premis tersebut dengan mematuhi protokol kesihatan umum. 	<p>6.00 pagi hingga 10.00 malam</p>



KERAJAAN NEGERI MELAKA

SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN DALAM TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 2 DI NEGERI MELAKA

BIL	AKTIVITI	PENERANGAN RINGKAS	WAKTU OPERASI YANG DIBENARKAN								
12.	Sektor Makanan	<p>Perniagaan Berpremis</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Restoran ii. Medan Selera / Pusat Penjaja iii. Gerai Makan Tepi Jalan (Berbumbung) / Kiosk <p>Perniagaan / Penjajaan Tanpa Premis</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kenderaan Saji / <i>Food Truck</i> ii. Penjaja Beredar iii. Penjaja Tepi Jalan (Sementara) 	6.00 pagi hingga 12.00 malam								
13.	<i>Dine-in</i>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pengusaha restoran termasuk di hotel, rumah kelab sukan dan rekreasi, kedai makan, gerai makan, kenderaan bersaji, penjaja tepi jalan, penjaja beredar, medan selera, pusat penjaja, gerai makan tepi jalan dan kiosk DIBENARKAN menyediakan perkhidmatan <i>dine-in</i> dengan mematuhi syarat berikut: <ul style="list-style-type: none"> ✓ Hanya menerima pelanggan yang telah lengkap divaksin dan tidak bergejala ✓ Pemilik premis perniagaan MESTI memaparkan notis penerimaan pelanggan yang telah lengkap divaksin dan tidak bergejala sahaja di pintu masuk premis. ✓ Pekerja yang telah menerima vaksin dos lengkap dan tidak bergejala sahaja DIBENARKAN bekerja dengan kadar vaksinasi berikut: <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th><u>KADAR VAKSINASI</u></th> <th><u>KAPASITI PEKERJA</u></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>40%</td> <td>60%</td> </tr> <tr> <td>60%</td> <td>80%</td> </tr> <tr> <td>80%</td> <td>100%</td> </tr> </tbody> </table> ✓ Pemilik premis perniagaan perlu memastikan susun atur meja mengikut penjarakan dan premis mempunyai sistem pengudaraan (<i>ventilation</i>) yang baik. ✓ Aktiviti <i>dine-in</i> dengan kapasiti 50% setiap meja dan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter tertakluk kepada SOP KPDNHEP PPN Fasa 2 - Perdagangan Pengedaran. <ul style="list-style-type: none"> ▪ Bagi individu yang telah menerima vaksinasi lengkap DIBENARKAN membawa anak-anak berusia 17 tahun dan ke bawah untuk <i>dine-in</i> di premis tersebut dengan mematuhi protokol kesihatan umum. ▪ Aktiviti <i>dine-in</i> di kantin / kafeteria yang beroperasi di industri (kilang) HANYA DIBENARKAN dengan makanan berbungkus (<i>pack food</i>) sahaja ▪ Perkhidmatan <i>dine-in</i> bagi sambutan majlis sosial adalah TIDAK DIBENARKAN ▪ Perkhidmatan <i>park & dine</i> TIDAK DIBENARKAN 	<u>KADAR VAKSINASI</u>	<u>KAPASITI PEKERJA</u>	40%	60%	60%	80%	80%	100%	6.00 pagi hingga 12.00 malam
<u>KADAR VAKSINASI</u>	<u>KAPASITI PEKERJA</u>										
40%	60%										
60%	80%										
80%	100%										
14.	Sektor Kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> i. Hospital ii. Klinik iii. Makmal Perubatan 	Dibenarkan sehingga 24 jam atau mengikut lesen kebenaran beroperasi								



KERAJAAN NEGERI MELAKA

SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN DALAM TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 2 DI NEGERI MELAKA

BIL	AKTIVITI	PENERANGAN RINGKAS	WAKTU OPERASI YANG DIBENARKAN
15.	Pasar	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pasar harian dan pasar awam DIBENARKAN beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 4.00 petang tertakluk kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan pematuhan SOP dan pengawasan anggota RELA atau PBT ▪ Pasar Segar Terkawal (PST) DIBENARKAN beroperasi dari jam 7.00 pagi sehingga 2.00 petang ▪ Pasar Tani Kekal (PTK), MyFarm Outlet (MFO) dan Komplek Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) DIBENARKAN beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 4.00 petang ▪ Pasar borong DIBENARKAN beroperasi dari jam 12.01 pagi sehingga 6.00 pagi dan 11.00 pagi sehingga 4.00 petang tertakluk kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan pematuhan SOP dan pengawasan anggota RELA atau PBT ▪ Pasar tani dan pasar pagi DIBENARKAN beroperasi dari jam 7.00 pagi hingga 11.00 pagi TERHAD kepada komoditi utama yang ditetapkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dengan pematuhan SOP dan pengawasan anggota RELA atau PBT ▪ Pasar malam dan pasar minggu DIBENARKAN beroperasi TERTAKLUK kepada <u>penilaian tambahan PBT ke atas kesediaan penganjur</u> mematuhi SOP yang telah ditetapkan ▪ HANYA pelanggan yang telah menerima vaksinasi lengkap sahaja DIBENARKAN memasuki kawasan pasar malam dan pasar minggu dan MESTI menunjukkan kad / Sijil Digital Vaksinasi COVID-19 yang membuktikan pelanggan tersebut telah divaksinasi lengkap 	
16.	Peruncitan / Serbaneka / Makanan & Minuman	<ol style="list-style-type: none"> i. Pasar Raya Mini (<i>mini market</i>) ii. Kedai Runcit iii. Kedai Serbaneka iv. Kedai Keperluan Harian v. Kedai Barangan Bayi vi. Kedai Barangan Keagamaan vii. Klinik Haiwan 	<p>6.00 pagi hingga 10.00 malam</p> <p>KECUALI</p> <p><u>Kedai runcit / mini market / kedai serbaneka</u> 6.00 pagi hingga 12.00 malam</p>
17.	Sektor Pengangkutan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Aktiviti dan perkhidmatan di semua lapangan terbang dan pelabuhan DIBENARKAN beroperasi 24 jam ▪ Aktiviti pemunggahan melibatkan barangan non-essential di kilang-kilang TERHAD kepada penghantaran dan penerimaan barangan atau kargo dalam simpanan stok (<i>stockpile</i>) sedia ada dengan tujuan import dan eksport sahaja dengan jumlah pekerja yang terhad. Waktu pemunggahan adalah dari jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam pada Isnin, Rabu dan Jumaat dengan kebenaran PDRM ▪ Aktiviti pemunggahan melibatkan barangan essential tidak tertakluk kepada sekatan ini dan berjalan seperti biasa. ▪ Perkhidmatan pengangkutan awam laut dan darat seperti pengangkutan pekerja, bas henti-henti, bas ekspres, feri dan lain-lain pengangkutan awam DIBENARKAN berdasarkan kapasiti kenderaan ▪ Bilangan penumpang dalam teksi dan e-hailing DIHADKAN kepada dua (2) orang sahaja termasuk pemandu dan penumpang MESTI duduk di belakang ▪ Bilangan orang yang dibenarkan di dalam kenderaan membawa barangan serta rangkaian aktiviti ekonomi atau industri (kecuali pengangkutan pekerja) bergantung kepada lesen pendaftaran kenderaan 	



KERAJAAN NEGERI MELAKA

SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN DALAM TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 2 DI NEGERI MELAKA

BIL	AKTIVITI	PENERANGAN RINGKAS	WAKTU OPERASI YANG DIBENARKAN								
18.	Perkhidmatan Awam	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Tertakluk kepada arahan semasa Ketua Setiausaha Negara / Setiausaha Kerajaan Negeri ▪ Pengoperasian pejabat Kerajaan dilaksanakan secara hibrid melalui keberadaan di pejabat dan Bekerja Dari Rumah (BDR) menggunakan pendekatan berikut: <ul style="list-style-type: none"> ✓ Kehadiran di pejabat tidak melebihi 60% bagi keseluruhan (tidak termasuk perkhidmatan <i>frontliners</i>, keselamatan, pertahanan dan penguatkuasaan) dan 40% BDR secara penggiliran ✓ Perkhidmatan kaunter dibuka tertakluk kepada arahan semasa Ketua Setiausaha Negara ▪ Kehadiran ke pejabat PERLU disertai dengan dokumen arahan rasmi dan pas pekerja ▪ Bilangan orang yang DIBENARKAN di dalam Kenderaan Jabatan atau Kereta Rasmi Jawatan adalah berdasarkan kapasiti kenderaan 									
19.	Perkhidmatan Swasta	<ul style="list-style-type: none"> • Semua sektor perkhidmatan perlu yang DILULUSKAN oleh Kementerian atau Agensi yang berkaitan boleh beroperasi dalam tempoh PPN tertakluk kepada surat kelulusan Kementerian yang berkaitan • Pergerakan pekerja adalah tertakluk kepada pendaftaran atau surat kelulusan beroperasi atau pas pekerja atau surat pengesahan majikan • Kapasiti kehadiran pekerja bagi sektor swasta dalam perkhidmatan perlu termasuk operasi dan pengurusan TERHAD kepada 80%. Kapasiti pekerja bagi sektor perkhidmatan perlu yang dibenarkan boleh ditingkatkan kepada 100% sekiranya kadar vaksinasi pekerja adalah 80% dan ke atas • Semua pejabat swasta / bukan Kerajaan yang tidak disenaraikan sebagai pekhidmatan perlu DIBENARKAN beroperasi dengan syarat pekerja telah lengkap divaksin seperti berikut:- <table style="margin-left: auto; margin-right: auto; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;"><u>KADAR VAKSINASI</u></th> <th style="text-align: center;"><u>KAPASITI PEKERJA</u></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">40%</td> <td style="text-align: center;">60%</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">60%</td> <td style="text-align: center;">80%</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">80%</td> <td style="text-align: center;">100%</td> </tr> </tbody> </table> 	<u>KADAR VAKSINASI</u>	<u>KAPASITI PEKERJA</u>	40%	60%	60%	80%	80%	100%	
<u>KADAR VAKSINASI</u>	<u>KAPASITI PEKERJA</u>										
40%	60%										
60%	80%										
80%	100%										
20.	Mesyuarat	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mesyuarat perlu dilaksanakan secara sidang video ▪ Mesyuarat secara bersemuka DIBENARKAN hanya kepada individu yang telah lengkap vaksin dengan 50% kapasiti ruang bilik mesyuarat 									
21.	Seminar, Bengkel, Kursus, Latihan dan Ceramah	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Seminar, bengkel, kursus, latihan dan ceramah TIDAK DIBENARKAN kecuali latihan dalam perkhidmatan yang sedang berjalan boleh dilaksanakan dalam kawasan latihan menerusi kaedah <i>Camp Based Training</i> ▪ Seminar, bengkel, kursus, latihan dan ceramah yang dilaksanakan secara dalam talian (online) adalah DIBENARKAN ▪ Temuduga kritikal yang perlu dilaksanakan adalah DIBENARKAN secara bersemuka dan dalam talian. 									



KERAJAAN NEGERI MELAKA

SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN DALAM TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 2 DI NEGERI MELAKA

BIL	AKTIVITI	PENERANGAN RINGKAS	WAKTU OPERASI YANG DIBENARKAN
22.	Tabika, Taska, Tadika, Pusat Jagaan Harian dan Pusat Jagaan Berkediaman	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Tabika, taska, pusat jagaan harian, tadika swasta, tadika di sekolah swasta, antarabangsa dan ekspatriat serta pusat perkembangan minda DIBENARKAN beroperasi untuk anak-anak di mana ibu bapa atau penjaganya bekerja ▪ Operator dan pekerja di pusat-pusat ini perlu lengkap divaksin ▪ Pusat jagaan berkediaman atau pusat rehabilitasi bagi kanak-kanak, Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas, wanita dan pusat jagaan pelbagai DIBENARKAN beroperasi mengikut SOP yang ditetapkan di bawah Kementerian, Jabatan atau Agensi berkaitan ▪ Ibu bapa atau penjaga yang menghantar anak-anak ke pusat jagaan kanak-kanak DIBENARKAN mengikut kapasiti kenderaan 	
23.	Pendidikan (Tertakluk kepada SOP yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT))	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pembukaan semula semua sekolah bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan institusi pendidikan yang berdaftar bawah KPM bagi menjalankan sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara bersemuka adalah tertakluk kepada ketetapan KPM berdasarkan penilaian risiko, nasihat dan pandangan Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara ▪ Pembukaan Sekolah Rendah: <ul style="list-style-type: none"> a. Murid Berkeperluan Khas (MBK) di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) hadir tanpa penggiliran; dan b. Murid lain menjalankan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) ▪ Pembukaan Sekolah Menengah: <ul style="list-style-type: none"> a. Murid Tingkatan 6 Semester 2, International Baccalaureate Diploma Tahun 2 dan Program Pra Universiti Semester 3 di Sekolah Sukan Malaysia (SSM) hadir tanpa penggiliran; b. MBK di Sekolah Menengah Kebangsaan Pendidikan Khas/Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional dan PPKI hadir tanpa penggiliran; dan c. Murid kelas peperiksaan antarabangsa International General Certificate For Secondary Education (IGCSE) O-Level, A-Level, dan Australia Higher School Certificate dan International Baccalaureate Diploma Programme hadir tanpa penggiliran; dan d. Murid lain menjalankan PdPR ▪ <u>Merentas Negeri</u> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Murid / Pelajar yang terlibat DIBENARKAN merentasi negeri untuk ke sekolah / institusi pendidikan dengan menggunakan surat pengesahan daripada KPM ✓ Pergerakan pergi dan balik ke sekolah / institusi pendidikan bagi murid / pelajar yang terlibat boleh ditemani oleh seorang penjaga ✓ Pergerakan guru atau tenaga pengajar ke sekolah / institusi pendidikan untuk merentas negeri bagi tujuan PdP DIBENARKAN dengan surat pengesahan daripada KPM ✓ Murid / Pelajar yang merentas negeri daripada Semenanjung Malaysia ke Negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan (WP) Labuan atau sebaliknya perlu mematuhi peraturan yang berkaitan saringan COVID-19 dan kuarantin yang dilaksanakan ▪ <u>Kawalan Pergerakan Murid / Pelajar Kembali Ke Asrama</u> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Pergerakan bagi kemasukan murid / pelajar ke asrama adalah DIBENARKAN dengan menggunakan surat pengesahan daripada KPM untuk tujuan merentas negeri. ✓ Murid / Pelajar di asrama perlu melaksanakan Ujian Kit Kendiri COVID-19 sebanyak tiga (3) kali, iaitu sebelum pendaftaran masuk, hari keenam dan hari keempat belas di asrama ▪ Semua Institut Latihan Kemahiran, sekolah selain di bawah KPM, pusat tahfiz dan institusi-institusi pendidikan lain adalah tertakluk kepada Kementerian / Agensi yang berkaitan ▪ Semua IPT di bawah kawal selia KPT dibuka secara berperingkat kepada pelajar yang telah lengkap vaksin dan melepasi tempoh keberkesanan selepas lengkap vaksinasi, namun kemasukan sebenar adalah tertakluk kepada kapasiti IPT ▪ Semua aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di IPT secara bersemuka/berkumpulan/berkelompok adalah DIBENARKAN bagi pelajar yang telah lengkap vaksinasi dan melepasi tempoh keberkesanan selepas divaksinasi dengan mematuhi SOP yang ketat. Mod PdP secara hibrid akan dilaksanakan bagi pelajar yang berada di kampus. Mod PdP secara dalam talian akan diteruskan bagi pelajar yang belum kembali ke kampus ▪ Peperiksaan antarabangsa dan badan profesional serta aktiviti penyelidikan yang memerlukan kemudahan makmal di IPT DIBENARKAN mengikut SOP IPT berkenaan dan pergerakan perlu disertai dengan pengesahan oleh IPT berkaitan ▪ Pelajar yang berada di asrama, universiti atau institusi pendidikan dibenarkan untuk berada di asrama, universiti atau institusi pendidikan tersebut dan meneruskan pembelajaran secara hibrid 	



KERAJAAN NEGERI MELAKA

SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN DALAM TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 2 DI NEGERI MELAKA

BIL	AKTIVITI	PENERANGAN RINGKAS	WAKTU OPERASI YANG DIBENARKAN
24.	Sukan dan Riadah (Tertakluk kepada SOP dan FAQ Kementerian Belia dan Sukan)	<p><u>BELUM MELENGKAPKAN ATAU MENERIMA VAKSINASI LENGKAP</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Semua aktiviti sukan dan rekreasi tidak bersentuhan fizikal yang dilakukan secara individu dengan mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 hingga 3 meter dan dilakukan di kawasan TERBUKA (OUTDOOR) bermula jam 6.00 pagi hingga 10.00 malam tertakluk kepada arahan kawalan pergerakan yang sedang berkuat kuasa Pengoperasian semua fasiliti sukan dan rekreasi TERBUKA (OUTDOOR) dengan pematuhan kepada SOP Am Sektor Sukan dan Rekreasi DENGAN kawalan penyeliaan. Kehadiran pekerja adalah tidak melebihi 60% tenaga kerja merangkumi pengurusan dan operasi Semua fasiliti sukan dan rekreasi TERBUKA (OUTDOOR) awam di bawah seliaan PBT DIBUKA untuk orang awam bagi aktiviti tidak bersentuhan fizikal secara individu Penyertaan atlet / jurulatih / pegawai / teknikal Malaysia ke kejohanan atau pertandingan atau perlawanan di luar negara TERTAKLUK kepada kelulusan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) DENGAN sokongan KBS / MSN <p><u>TELAH MELENGKAPKAN ATAU MENERIMA VAKSINASI LENGKAP</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Aktiviti <i>dine-in</i> di restoran atau kafe di premis <i>club house</i> adalah DIBENARKAN Semua aktiviti sukan dan rekreasi bersentuhan fizikal yang dilakukan di kawasan TERBUKA (OUTDOOR) adalah TERHAD bagi individu yang telah MELENGKAPKAN VAKSINASI sahaja bagi melakukan semua aktiviti sukan dan rekreasi bermula jam 6.00 pagi hingga 10.00 malam tertakluk kepada arahan kawalan pergerakan yang sedang berkuat kuasa Pengoperasian semua fasiliti sukan dan rekreasi TERBUKA (OUTDOOR) dengan pematuhan kepada SOP Am Sektor Sukan dan Rekreasi DENGAN kawalan penyeliaan. Kehadiran pekerja adalah tidak melebihi 60% tenaga kerja merangkumi pengurusan dan operasi. Penggunaan adalah dalam kalangan individu yang telah MELENGKAPKAN VAKSINASI bagi aktiviti bersentuhan fizikal. Individu yang telah menerima vaksinasi lengkap juga DIBENARKAN membawa anak-anak berusia 17 tahun dan ke bawah bagi aktiviti tersebut dengan pematuhan SOP yang ketat Semua aktiviti sukan dan rekreasi bersentuhan atau tidak bersentuhan fizikal yang dilakukan secara individu atau berkumpulan di kawasan TERTUTUP (INDOOR) adalah TERHAD bagi individu yang telah MELENGKAPKAN VAKSINASI sahaja bermula jam 6.00 pagi hingga 10.00 malam tertakluk kepada arahan kawalan pergerakan yang sedang berkuat kuasa Pengoperasian semua fasiliti sukan dan rekreasi TERTUTUP (INDOOR) dengan pematuhan kepada 50% kapasiti penggunaan / kawasan DENGAN kawalan penyeliaan. Kehadiran pekerja adalah tidak melebihi 60% tenaga kerja merangkumi pengurusan dan operasi. Penggunaan adalah dalam kalangan individu yang telah MELENGKAPKAN VAKSINASI sahaja. Individu yang telah menerima vaksinasi lengkap juga DIBENARKAN membawa anak-anak berusia 17 tahun dan ke bawah bagi aktiviti tersebut dengan pematuhan SOP yang ketat Semua fasiliti sukan dan rekreasi TERBUKA (OUTDOOR) dan TERTUTUP (INDOOR) awam di bawah seliaan PBT DIBUKA untuk orang awam tertakluk kepada pematuhan SOP yang berkuat kuasa Penganjuran kejohanan / pertandingan TANPA kehadiran penonton atau penyokong TERHAD bagi anjuran Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Liga Bola Sepak Malaysia (Malaysian Football League - MFL) dan mana-mana dengan kebenaran KHAS KBS sahaja Aktiviti atau latihan sukan dan rekreasi bersentuhan atau tidak bersentuhan fizikal secara berkumpulan TERHAD bagi individu telah MELENGKAPKAN VAKSINASI yang dilakukan secara terkawal DENGAN kawalan penyeliaan adalah tertakluk kepada 50% kapasiti penggunaan/ kawasan atau tidak melebihi 50 orang dalam satu-satu masa termasuk jurulatih/ instruktur/ ibu bapa (mana-mana yang lebih rendah). Individu yang telah menerima vaksinasi lengkap juga DIBENARKAN membawa anak-anak berusia 17 tahun dan ke bawah bagi aktiviti atau latihan tersebut dengan pematuhan SOP yang ketat. 	



KERAJAAN NEGERI MELAKA

SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN DALAM TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 2 DI NEGERI MELAKA

BIL	AKTIVITI	PENERANGAN RINGKAS	WAKTU OPERASI YANG DIBENARKAN
25.	Perkelahan dan Perkhemahan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Aktiviti perkelahan dan perkhemahan adalah DIBENARKAN dalam negeri yang sama bagi individu yang telah menerima vaksin lengkap. ▪ Individu yang telah menerima vaksinasi lengkap DIBENARKAN membawa anak-anak berusia 17 tahun dan ke bawah bagi aktiviti tersebut dengan pematuhan SOP yang ketat 	
26.	Industri Kreatif	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Semua penggiat industri kreatif yang telah lengkap divaksin DIBENARKAN bagi aktiviti-aktiviti seperti berikut:- <ul style="list-style-type: none"> ✓ Pembangunan dan penyiaran kandungan kreatif secara rakaman atau siaran langsung ✓ Penyiaran secara rakaman atau siaran langsung berbentuk penyampaian maklumat dan hiburan dengan kehadiran penonton yang telah lengkap vaksin dengan kapasiti penonton 50% di ruang studio ✓ Penggambaran industri kreatif di dalam dan di luar studio ✓ <i>Busking</i> ✓ Persembahan di <i>lounge</i> hotel kepada pelanggan yang telah lengkap vaksin ✓ Aktiviti persembahan langsung seperti seni teater, muzikal, muzik dan komedi (secara pra-daftar) dengan penonton yang telah lengkap vaksin serta kapasiti penonton 50% di ruang premis ✓ Aktiviti panggung wayang DIBENARKAN dengan syarat pekerja dan penonton telah lengkap divaksin dengan kapasiti 50% ruang dewan tayangan pawagam 	
27.	Perkhidmatan Perlu (<i>essential services</i>)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Makanan dan minuman termasuk untuk haiwan. 2. Penjagaan kesihatan dan perubatan termasuk penokok diet, penjagaan dan klinik haiwan serta perkhidmatan veterinar. 3. Air. 4. Tenaga. 5. Keselamatan (<i>security and safety</i>), pertahanan, kecemasan, kebajikan dan bantuan kemanusiaan. 6. Pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dan pembetulan. 7. Pengangkutan melalui darat, air atau udara. 8. Perkhidmatan dan pengusahaan pelabuhan, limbungan dan lapangan terbang, termasuk pemunggaran, pengangkutan laiter, pengendalian kargo dan pemaliman, dan penyimpanan atau pemulakan komoditi. 9. Komunikasi termasuk media, telekomunikasi dan internet, pos dan kurier serta penyiaran (bagi tujuan penyampaian maklumat, berita dan seumpamanya sahaja). 10. Perbankan, insuran, takaful dan pasaran modal. 11. Kredit komuniti dan pajak gadai. 12. E-dagang dan teknologi maklumat. 13. Pengeluaran, penyulingan, penyimpanan, pembekalan serta pengagihan bahan api dan pelincir. 14. Hotel dan penginapan. 15. Pembinaan. 16. Perkhidmatan perhutanan (terhad kepada penguatkuasaan) dan hidupan liar. 17. Perundangan dan kehakiman. 18. Guaman dan pesuruhjaya sumpah. 19. Perkhidmatan perakaunan. 20. Perkhidmatan profesional dan juru perunding (tertakluk kepada pihak berkuasa kawal selia Badan Profesional berkenaan). 21. Logistik yang terhad kepada penyampaian perkhidmatan perlu. 	



KERAJAAN NEGERI MELAKA

SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN DALAM TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 2 DI NEGERI MELAKA

BIL	AKTIVITI	PENERANGAN RINGKAS	WAKTU OPERASI YANG DIBENARKAN								
28.	Aktiviti Pelancongan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Aktiviti pelancongan hanya DIBENARKAN dalam negeri yang sama sahaja yang melibatkan hotel dan <i>homestay</i> ▪ Tetamu yang telah lengkap divaksinasi DIBENARKAN untuk melakukan aktiviti pelancongan dalam negeri yang sama dengan mengemukakan Kad / Sijil Digital Vaksinasi COVID-19 ketika mendaftar masuk ▪ Pengusaha hotel dan <i>homestay</i> perlu memastikan individu yang ingin memasuki premis MESTI menunjukkan Kad / Sijil Digital Vaksinasi COVID-19 yang membuktikan individu tersebut telah divaksin lengkap ▪ Bagi individu yang telah menerima vaksinasi lengkap DIBENARKAN membawa anak-anak berusia 17 tahun dan ke bawah untuk aktiviti pelancongan di hotel dan <i>homestay</i> dengan mematuhi protokol kesihatan umum ▪ Kunjungan secara janji temu bagi pengunjung yang telah lengkap divaksin ke premis dan fasiliti awam kebudayaan seperti muzium, galeri, arkib, pusat kraftangan, memorial, perpustakaan dan kompleks kebudayaan, pusat / Kampung Seni Warisan Budaya pentas persembahan budaya DIBENARKAN dengan kapasiti 50% di ruang premis ▪ Gelembung pelancongan di Pulau Langkawi DIBENARKAN kepada pelancong yang telah lengkap vaksin dengan mematuhi SOP Gelembung Pelancongan Domestik Pulau Langkawi ▪ Pusat/ premis/ produk pelancongan seperti zoo, perladangan, akuarium, snorkeling, selam skuba, pelancongan memancing dan taman rimba DIBENARKAN beroperasi bermula 1 Oktober 2021 dengan syarat semua pengusaha/ operator dan pelawat/ pengunjung lengkap divaksin (<i>hanya untuk penduduk dalam negeri Melaka sahaja</i>) 									
29.	Latihan Pemanduan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Institut Memandu DIBENARKAN beroperasi dengan syarat pekerja tenaga pengajar dan calon telah lengkap menerima vaksin dengan mengemukakan Kad Sijil Digital Vaksinasi COVID-19 dan kad pengenalan sebagai pembuktian ▪ Pekerja yang telah menerima vaksin dos lengkap dan tidak bergejala sahaja dibenarkan bekerja dengan kadar vaksinasi berikut:- <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th><u>KADAR VAKSINASI</u></th> <th><u>KAPASITI PEKERJA</u></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>40%</td> <td>60%</td> </tr> <tr> <td>60%</td> <td>80%</td> </tr> <tr> <td>80%</td> <td>100%</td> </tr> </tbody> </table> 	<u>KADAR VAKSINASI</u>	<u>KAPASITI PEKERJA</u>	40%	60%	60%	80%	80%	100%	
<u>KADAR VAKSINASI</u>	<u>KAPASITI PEKERJA</u>										
40%	60%										
60%	80%										
80%	100%										
30.	Lain-lain	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kedai barangan lusuh ▪ Kelab Syarikat & Kelab Persatuan / Agensi Nombor Ramalan / Kelab Lumba Kuda dibawah Lembaga Totalisator Malaysia (<i>TERTAKLUK kepada SOP yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan</i>) ▪ Apa-apa perkhidmatan, kerja, industri dan perniagaan sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan selepas berunding dengan pihak berkuasa yang mengawal selia perkhidmatan, kerja, industri dan perniagaan itu 									

Petunjuk : warna merah merupakan tambahan baharu



KERAJAAN NEGERI MELAKA

SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN DALAM TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 2 DI NEGERI MELAKA

BIL	AKTIVITI	PENERANGAN RINGKAS	WAKTU OPERASI YANG DIBENARKAN
31.	Pembaikan rumah kediaman (Kontraktor yang tidak berdaftar dengan CIDB)	<ul style="list-style-type: none"> Pihak Berkuasa Tempatan akan mengeluarkan perakuan bagi kebenaran melaksanakan kerja-kerja pembaikan rumah yang telah mendapat permit / kelulusan PBT tersebut. Pejabat Daerah dan Tanah akan mengeluarkan perakuan bagi kebenaran melaksanakan kerja-kerja pembaikan rumah di kawasan kampung mengikut daerah masing-masing 	
32.	Perikanan Rekreasi	<ul style="list-style-type: none"> Aktiviti perikanan rekreasi termasuk di kolam memancing DIBENARKAN dari 6.00 pagi hingga 10.00 malam bagi <u>individu yang telah lengkap divaksin</u> di negeri yang sama 	
33.	Kapal Persiaran	<ul style="list-style-type: none"> Kapal persiaran DIBENARKAN dengan 50% kapasiti kapal <u>dengan syarat semua anak kapal dan penumpang telah lengkap divaksin</u> Aktiviti pub dan kelab malam TIDAK DIBENARKAN 	
34.	Spa, Pusat Kesihatan (Wellness) dan Urut Kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> Operasi perniagaan spa, pusat kesihatan (<i>wellness</i>) dan urut kesihatan DIBENARKAN kepada pengunjung dan operator yang telah lengkap divaksin bermula 1 Oktober 2021 Pekerja dan pelanggan mestilah mempunyai vaksin lengkap, bukan kes positif COVID-19, bukan kontak rapat kepada kes positif dan tidak bergejala Hanya membenarkan pelanggan yang ada janji temu sahaja. Walk-in TIDAK DIBENARKAN Memakai sarung tangan (jenis pakai buang), pelitup muka, dan <i>face shield</i> semasa menjalankan aktiviti Menggantikan (termasuk sarung tangan, alas katil atau tilam atau kerusi) dan mencuci hama peralatan termasuk <i>face shield</i>) bagi setiap pelanggan Memastikan sistem pengudaraan diselenggara mengikut jadual. Pemantauan oleh MOTAC termasuk: <ul style="list-style-type: none"> Pengusaha SPA perlu mengisytiharkan jumlah pekerja telah lengkap vaksin dan dikemukakan kepada MOTAC sebelum dibenarkan beroperasi. Program Kendiri Pematuhan SOP terutamanya ventilasi dalam premis. Pemeriksaan pemantauan secara <i>spot check</i> dan berkala dilakukan oleh MOTAC. Saringan ujian pengesanan COVID-19 secara berkala ke atas pekerja yang bergejala. 	

Petunjuk : warna merah merupakan tambahan baharu



KERAJAAN NEGERI MELAKA

SEKTOR-SEKTOR YANG DIBENARKAN DALAM TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 2 DI NEGERI MELAKA

NOTA :

1. Rentas daerah (berdasarkan sempadan daerah ditetapkan Kerajaan Negeri) dan negeri **TIDAK DIBENARKAN kecuali** :
 - ✓ Individu yang **telah lengkap divaksin** untuk tujuan merentas daerah sahaja.
 - ✓ **Pasangan jarak jauh, anak jarak jauh dan individu yang telah diluluskan pergerakan oleh KKM dan PDRM** untuk tujuan merentas negeri.
2. Pergerakan bagi individu yang **telah lengkap divaksin DIBENARKAN** berdasarkan **jumlah kapasiti kenderaan**
3. Manakala, bagi yang **belum mendapat vaksin lengkap**:
 - ✓ **Hanya dua (2) orang sahaja** wakil isi rumah **DIBENARKAN** keluar hanya untuk mendapatkan bekalan makanan, ubat, penokok diet dan keperluan asas.
 - ✓ **Maksimum tiga (3) orang sahaja** termasuk pesakit **DIBENARKAN** keluar untuk mendapatkan perkhidmatan jagaan kesihatan, perubatan, ujian saringan, program vaksinasi, keselamatan atau kecemasan.
4. Pergerakan bagi **kes kematian dan bencana alam DIBENARKAN** setelah mendapatkan **kebenaran daripada PDRM**
5. Pergerakan bantuan bencana atau kemanusiaan oleh NGO **perlu mendapatkan kebenaran** dari Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri atau Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah di kawasan yang terjejas dengan bencana dan bantuan tersebut disalurkan melalui Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) di kawasan tersebut
6. Pergerakan **merentas daerah dan negeri** bagi **tujuan vaksinasi COVID-19 di Pusat Pemberian Vaksin (PPV)** di luar daerah atau negeri tempat tinggal **DIBENARKAN** dengan menunjukkan butiran janji temu di aplikasi MySejahtera, laman sesawang atau SMS
7. Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri **DIBENARKAN** merentas daerah dan negeri untuk melawat kawasan masing-masing **TANPA** melaksanakan sebarang majlis
8. Pergerakan bagi Pelawat Perniagaan Jangka Pendek di bawah kelulusan Inisiatif One Stop Centre (OSC) untuk tujuan rasmi atau perniagaan **DIBENARKAN** setelah mendapat kebenaran PDRM
9. Individu yang berumur **17 tahun dan ke bawah TIDAK DIGALAKKAN** untuk **berada di tempat dan kemudahan awam**



KERAJAAN NEGERI MELAKA

SENARAI AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN (*NEGATIVE LIST*) PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 2 DI NEGERI MELAKA

AKTIVITI EKONOMI

1. Operasi kafe siber dan pusat siber

2. Kasino

AKTIVITI SOSIAL

3. Majlis Rasmi atau Tidak Rasmi Kerajaan dan swasta

4. Majlis sosial seperti kenduri-kendara, majlis sambutan perayaan, majlis meraikan pernikahan atau pertunangan, majlis perkahwinan, resepsi, majlis aqiqah, doa selamat, tahlil, sambutan ulang tahun, sambutan hari kelahiran, *reunion*, *retreat* dan lain-lain majlis sosial.

5. Seminar, bengkel, kursus, latihan, persidangan, ceramah, pameran dan aktiviti berkaitan dengan *Meeting, Incentives, Conventions and Exhibitions* (MICE) secara bersemuka

AKTIVITI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

6. Taman Tema, Pusat Hiburan Keluarga, *indoor playground* dan karaoke termasuk karaoke keluarga

7. Aktiviti pelancongan merentas negeri

8. Aktiviti pelancongan rentas daerah bagi individu yang belum lengkap divaksinasi

9. Aktiviti pelancongan ke luar negeri oleh warganegara dan aktiviti pelancongan dalam negeri yang melibatkan pelancong asing memasuki Malaysia

AKTIVITI SUKAN DAN REKREASI

10. Aktiviti sukan dan rekreasi yang dilakukan **MELEBIHI** kapasiti yang ditetapkan

11. Penganjuran semua kejohanan atau pertandingan **KECUALI** anjuran Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Liga Bola Sepak Malaysia (Malaysian Football League), Kejuaraan Petronas Cup Prix dan mana-mana **DENGAN kebenaran KHAS KBS sahaja**

12. Kehadiran penonton atau penyokong ke *venue* sukan dan rekreasi

13. Penyertaan atlet / jurulatih / pegawai / teknikal Malaysia ke kejohanan atau pertandingan atau perlawanan di luar negara **TANPA** kelulusan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan sokongan KBS / MSN

14. Aktiviti sukan dan rekreasi yang dijalankan di luar atau merentas kawasan arahan kawalan pergerakan yang sedang berkuat kuasa **KECUALI** mendapat kebenaran PDRM



KERAJAAN NEGERI MELAKA

SENARAI AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN (*NEGATIVE LIST*) PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 2 DI NEGERI MELAKA

AKTIVITI INDUSTRI KREATIF DAN HIBURAN

- | | |
|-----|----------------------------------|
| 15. | Aktiviti di kelab malam atau pub |
|-----|----------------------------------|

LAIN-LAIN YANG TIDAK DIBENARKAN

- | | |
|-----|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 16. | Apa-apa aktiviti yang boleh menyebabkan ramai orang hadir di suatu tempat sehingga menyukarkan penjarakan fizikal dan pematuhan kepada arahan Ketua Pengarah Kesihatan |
| 17. | Lain-lain perkara yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa |